



1. UNDANG – UNDANG PERMAINAN

- 1.1 Pertandingan ini akan mengikut **Undang-undang World Archery (WA)** serta **Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (NAAM)** dan **Peraturan-Peraturan AM Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM)**.
- 1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka undang-undang World Archery (WA) yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:
 - 1.3.1 Sebarang kejadian akan diputuskan berasaskan kepada Peraturan-Peraturan AM Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM).
 - 1.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada Undang-undang World Archery (WA) dan Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia.
- 1.4 Sebarang keputusan dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Peraturan-Peraturan AM Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM) adalah MUKTAMAD.

2. ACARA/ KATEGORI YANG DI PERTANDINGKAN

Perkara	Senior & Veteran (Lelaki & Wanita)
Jarak 15 meter Individu & Berpasukan	<i>Target Face 80 cm (6 rings) 6 ends (6 arrow/end) x 1 round Cumulative Scoring</i>
Jarak 30 meter Individu & Berpasukan	<i>Target Face 122 cm 6 ends (6 arrow/end) x 1 round Cumulative Scoring</i>

*Semua acara berpandukan WA. Book 2

(<https://worldarchery.sport/rulebook/article/2>)

3. PERALATAN PERTANDINGAN

- 3.1 Peralatan yang dibenarkan bagi semua kategori yang dipertandingkan adalah:
 - 3.1.1 Hanya *recurve* **Wooden Bow** (busur) atau **Metal/Iron Bow** (busur) sahaja dibenarkan.
 - 3.1.2 Semua jenis *recurve limb* adalah dibenarkan.

- 3.1.3 Hanya anak panah/*arrow* jenis **aluminium** sahaja dibenarkan.
- 3.1.4 ***Stabilizer, plunger button*** dan ***clicker*** adalah tidak dibenarkan.
- 3.1.5 Semua jenis ***sight*** adalah dibenarkan.

4. MASA MELAPORKAN DIRI

- 4.1 Setiap pasukan dikehendaki melaporkan diri kepada Ketua Hakim (*Chief of Judge*) kejohanan untuk pemeriksaan peralatan pertandingan (*Equipment Inspections*) pada hari latihan.

5. LATIHAN RASMI DAN PEMERIKSAAN ALATAN

- 5.1 Pemeriksaan alatan akan dijalankan semasa hari latihan.
- 5.2 Setiap atlet mesti memakai nombor pemanah semasa latihan rasmi.

6. PEGAWAI TEKNIKAL

- 6.1 Pihak Jawatankuasa Pengelola Kejohanan akan melantik Ketua Delegat Teknikal, Pegawai-pegawai Teknikal, Pengadil dan Hakim yang bertauliah daripada Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia.
- 6.2 Pengadil-pengadil hendaklah menghadiri taklimat sebelum sesuatu kejohanan bermula.

7. GANTI RUGI

- 7.1 Jawatankuasa Pengelola Kejohanan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kemalangan atau kecelakaan yang mungkin berlaku kepada mana-mana atlet dan pegawai semasa kejohanan ini berlangsung termasuk perjalanan dari rumah/tempat pertandingan/rumah.

8. HAK JAWATANKUASA PENGANJUR

- 8.1 Jawatankuasa Penganjur adalah berhak untuk meminda/menambah peraturan-peraturan yang difikirkan perlu. Sebarang keputusan adalah muktamad.

9. RINGKASAN PENYERTAAN

- 9.1 Berikut adalah pendaftaran pasukan bagi acara individu dan berpasukan:-

Status	Senior		Veteran		Jumlah
	Lelaki	Wanita	Lelaki	Wanita	
Pengurus			1		1
Jurulatih		1	1		2
Atlet	4	4	4	4	16
Jumlah Keseluruhan					19

10. RINGKASAN PINGAT

10.1 Berikut adalah pecahan medal bagi acara individu dan berpasukan berdasarkan kategori yang dipertandingkan:-

KATEGORI	EMAS	PERAK	GANGSA
Senior Individu Lelaki	1	1	1
Senior Berpasukan Lelaki	1 (4)	1 (4)	1 (4)
Senior Individu Wanita	1	1	1
Senior Berpasukan Wanita	1 (4)	1 (4)	1 (4)
Veteran Individu Lelaki	1	1	1
Veteran Berpasukan Lelaki	1 (4)	1 (4)	1 (4)
Veteran Individu Wanita	1	1	1
Veteran Berpasukan Wanita	1 (4)	1 (4)	1 (4)
Senior Berpasukan Campuran	1 (2)	1 (2)	1 (2)
Veteran Berpasukan Campuran	1 (2)	1 (2)	1 (2)
Senior & Veteran Berpasukan Campuran	1 (2)	1 (2)	1 (2)
JUMLAH	11	11	11

10.2 Pingat Kategori Individu akan ditentukan berdasarkan berdasarkan **jumlah mata keseluruhan** jarak bagi 15 meter dan 30 meter setiap atlet yang bertanding.

10.3 Pingat Kategori Berpasukan akan ditentukan berdasarkan **jumlah mata keseluruhan** jarak bagi 15 meter dan 30 meter hanya bagi 3 atlet dengan mata tertinggi yang bertanding dalam acara individu.

10.4 Pingat Kategori Berpasukan Campuran akan ditentukan berdasarkan **jumlah mata keseluruhan** jarak bagi 15 meter dan 30 meter hanya bagi **2 atlet** dengan mata tertinggi yang bertanding dalam acara individu (setiap kategori lelaki/wanita).

- 10.5 Pingat Kategori Senior & Veteran Berpasukan Campuran akan ditentukan berdasarkan **jumlah mata keseluruhan** jarak bagi 15 meter dan 30 meter hanya bagi **2 atlet** (lelaki & wanita) dengan mata tertinggi yang bertanding dalam acara individu (kategori Lelaki Senior/Veteran & kategori Wanita Senior/Veteran).
- 10.6 Sekiranya mata sama bagi penentuan pemenang, ia akan dikira berdasarkan;
- 10.6.1 Jumlah 'X' yang terbanyak
 - 10.6.2 Jumlah '10' yang terbanyak
 - 10.6.3 Sekiranya masih sama, sistem *Shoot-Off* akan digunakan
- 10.7 Semua keputusan adalah dirujuk di **<https://www.ianseo.net>**